**PENDAKWA RAYA**

**lwn.**

**ABDUL AZIZ ISMET CHIA**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-6-87]
9 MEI 1991

***KETERANGAN:*** *Maklumat lisan semasa disoalsiasat - Catatan bertulis dibuat semasa soalsiasat - Sama ada boleh diterima sebagai keterangan - Keraguan yang munasabah - Akta Keterangan 1950, s. 27.*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Mengedar dadah berbahaya - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B.*

Tertuduh telah ditangkap dalam satu operasi polis pada 19 Mac 1986 dan dituduh mengedar dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam soalsiasat yang dijalankan selepas tertuduh ditangkap, tertuduh telah memberi maklumat mengenai kereta BMW TH 595. Hasil dari maklumat itu, pihak polis telah menemui heroin dalam kereta tersebut. Setelah dianalisiskan oleh ahli kimia, didapati heroin itu berjumlah 76.46 gram beratnya. Mahkamah mendapati ada kes *prima facie* terhadap tertuduh, dan tertuduh telah dipanggil membela diri.

Dalam pembelaannya, tertuduh menceritakan bahawa kereta BMW itu telah dipinjamkan olehnya kepada seorang temannya bernama Ah Seng dan pada hari kejadian tangkapan itu berlaku, ia datang ke tempat itu untuk mengambil keretanya balik dari Ah Seng. Cerita tertuduh ini telah disokong oleh saksi-saksi bagi pihaknya.

**Diputuskan:**

**[1]** Maklumat lisan yang diberi oleh tertuduh ketika disoalsiasat oleh polis adalah maklumat yang boleh diterima di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950.

**[2]** Catatan bertulis yang dibuat oleh SP6 pada sekeping kertas (P21) semasa SP6 menyoal-siasat tertuduh merupakan satu diari polis dan hanya boleh digunakan untuk menyegarkan ingatan SP6 sahaja. Oleh kerana catatan itu tidak digunakan untuk tujuan itu, P21 tidak boleh dikemukakan dalam kes ini.

**[3]** Setelah meneliti keseluruhan keterangan dan tingkahlaku tertuduh di Mahkamah, Mahkamah telah memutuskan bahawa keterangan tertuduh pada sebahagian besar adalah munasabah dan berkemungkinan ceritanya benar. Tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kebersalahannya.

*[Tertuduh dibebaskan.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Wai Chan Leong lwn. Public Prosecutor [1989] 1 CLJ (Rep) 171* ***(dirujuk)***
*Public Prosecutor lwn. Er Ah Kiat [1966] 1 MLJ 9* ***(dirujuk)***
*Sum Kum Seng lwn. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 244* ***(dirujuk)***
*Public Prosecutor lwn. Toh Ah Keat [1977] 2 MLJ 87* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B; First Sch.
Evidence Act 1950, s. 27

*Bagi pihak perdakwa raya - Shamsul Sulaiman, Timbalan Pendakwa Raya*
*Bagi pihak tertuduh - Phang Ah Hee & Hj. Zamani Ibrahim; T/n. Phang & Co.*

**PENGHAKIMAN**

**Faiza Thamby Chik H:**

Tertuduh menghadap suatu tuduhan yang berbunyi:

> Bahawa kamu pada 19 Mac 1986 jam kira-kira 7.00 malam di Jalan Jati Off Jalan Imbi di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu heroin berjumlah berat 76.46 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Disemak-1980) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Fakta-fakta kes adalah seperti berikut. PPP Zakaria b. Abdullah (SP6) memberi keterangan bahawa pada 19 Mac 1986 lebih kurang pukul 3.10 petang beliau telah mengetuai sepasukan polis yang terdiri daripada 15 orang pegawai dan anggota dan membuat satu serbuan ke atas rumah bangalo batu berkembar dua bernombor 3 dan 5, Jalan Jati, Off Jalan Imbi, Kuala Lumpur dan berjaya menangkap 19 orang yang berada di bahagian hadapan di dalam rumah tersebut dan menjumpai 3 pucuk pistol dan 4.6 kg. heroin di atas "ceiling" dalam rumah tersebut, beberapa peket heroin dalam saluran air di bahagian dapur dalam rumah tersebut dan beberapa peket heroin lagi di bawah pokok betik di luar rumah tersebut. SP6 memberi keterangan bahawa rumah bangalo kembar dua tersebut mempunyai kawasan yang menjadi stesen teksi-teksi yang hendak pergi ke Genting Highland dan bangalo tersebut adalah sentiasa terbuka. SP6 memberi keterangan bahawa kesembilanbelas-sembilanbelas tangkapan itu telah digari dan dibawa balik kepejabat CAD, IPK dengan van polis bersama-sama dengan barang-barang rampasan tersebut.

SP6 memberi keterangan bahawa di pejabat soalsiasatan telah dijalankan ke atas mereka yang ditangkap dan beliau telah menyoalsiasat tertuduh di pejabatnya dan dalam soalsiasatan itu beliau telah menerima maklumat daripada tertuduh iaitu mengenai kunci kereta yang telah dicampakkan ditepi jalan keluar dari Jalan Jati dan kunci itu adalah kunci sebuah kereta BMW bernombor pendaftaran TH 595 yang terletak di hadapan rumah yang bertentangan dengan rumah bangalo berkembar dua No. 3 dan 5 Jalan Jati Off, Jalan Imbi, Kuala Lumpur, dan di dalam kereta itu ada dadah heroin. SP6 memberi keterangan bahawa berbekalkan maklumat tersebut beliau telah pergi ke tempat kejadian tersebut semula dengan ditemani oleh Insp. Mohd. Yusof Mohamad, Insp. Mokhtar B. Hj. Mohamad, Insp. Lai Joo Wah dan tertuduh dan di sana Insp. Lai Joo Wah telah menjumpai kunci kereta di tepi jalan keluar daripada Jalan Jati dan lalu Insp. Lai Joo Wah menyerahkannya kepada tertuduh. SP6 memberi keterangan bahawa tertuduh telah membawa beliau dan pasukannya ke sebuah kereta BMW berwarna hitam bernombor pendaftaran TH 595 yang terletak kira-kira 30 kaki dari tempat anak kunci itu dijumpai dan membuka pintu kereta tersebut dan mengeluarkan satu baju 'coat' (P11) yang tergantung di tempat pemegang di sebelah tepi kanan dibelakang kereta tersebut dan mengeluarkan satu bungkusan plastik (P7) dari saku dalam di sebelah kanan baju 'coat' tersebut dan menyerahkannya kepada beliau. SP6 memberi keterangan bahawa beliau telah memeriksa P7 itu dan di dalamnya beliau mendapati satu bungkusan daripada keratan akhbar Cina (P6) yang mengandungi satu peket plastik (P8) yang berisi serbuk dan ketulan yang disyaki dadah heroin. SP6 memberi keterangan bahawa kemudian beliau telah membawa tertuduh dan P7 itu balik ke pejabatnya dengan menaiki sebuah kereta yang dipandunya sendiri.

SP6 memberi keterangan bahawa di pejabat beliau telah membuat lapuran polis iaitu repot Jalan Bandar No. 4886/86 dan menyerahkan barang-barang kes yang telah beliau tandatangani secara ringkas dan dibubuh tarikh 19 Mac 1986 dan P6 ditandakannya dengan huruf besar 'B', P7 dengan huruf besar 'A', P8 dengan huruf besar 'C', P11 dengan huruf besar 'D' dan 'coat hanger' (P13) dengan huruf besar 'E' kepada Insp. Salman Kassim (SP3) iaitu pegawai penyiasat kes ini dan menandatangani satu borang Akuan Penerimaan Barang-Barang Kes yang dijadikan barang kes dan ditandai P12.

SP3 memberi keterangan bahawa pada 19 Mac 1986 pada pukul 11.00 malam SP6 telah memaklumkan mengenai tangkapan dadah dan menyerahkan kepadanya tertuduh bersama dengan kad pengenalannya, satu salinan repot Jalan Bandar No. 4886/86, P6, P7, P8, P11, P13 dan sebuah kereta BMW TH 595 berserta dengan kuncinya sekali. SP3 memberi keterangan bahawa beliau kemudian telah menandakan barang-barang yang diterimanya dengan membubuh tandatangan ringkasnya berserta dengan tarikh 19 Mac. SP3 memberi keterangan bahawa selepas menerima barang-barang tersebut daripada SP6 beliau telah menyediakan P12 yang ditandatangani olehnya dan SP6.

SP3 memberi keterangan selanjutnya bahawa beliau telah membungkus P7, P6 dan P8 ke dalam satu sampul surat yang ditandai dengan huruf besar 'E' (P5) sementara P11 telah dibungkus ke dalam satu bungkusan yang ditandai dengan huruf besar 'F' (P10) dan kemudian menyimpan kedua-dua sampul surat dan bungkusan tersebut di dalam kabinetnya dan dikunci. SP3 menyatakan bahawa P13 juga disimpannya tanpa dibungkus di dalam kabinetnya dan dikunci. SP3 memberi keterangan bahawa setelah gambar barang-barang kes itu diambil barulah P5 dan P10 itu dilekatkan dengan pateri materai PDRM 341.

SP3 memberi keterangan bahawa pada 24 Mac 1986 kira-kira pukul 2.30 petang beliau sendiri telah menghantar P5 dan P10 ke Jabatan Kimia Petaling Jaya dan menyerahkannya kepada ahli kimia Encik Primulapathi Jaya yang mengakui menerimanya dengan mengeluarkan satu Resit Akuan Penerimaan (P14). SP3 memberi keterangan bahawa pada 28 April 1986 kira-kira pukul 10 pagi beliau telah menerima balik P5 dan P10 itu daripada Encik Primulapathi Jaya tetapi kali ini kedua-dua P5 dan P10 itu telah dilekatkan dengan pateri materai Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu berserta dengan satu lapuran kimia (P15).

Ahli kimia tersebut dalam P15 menyebut:

> I examined the exhibits submitted and found in Envelope 'E': One plastic bag with a newspaper package containing another plastic bag. This plastic bag contained 218.30 grams (nett) of pink granules which I analysed and found to contain 76.46 grams of heroin. Package 'F': One coat bearing traces of heroin. Heroin is listed in the First Schedule of the Dangerous Drugs Act 1952.

SP3 memberi keterangan bahawa pada 20 Jun 1986 kira-kira pukul 10.40 pagi beliau sendiri telah pergi ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur untuk menyerahkan satu salinan P15 kepada tertuduh yang mengakui menerimanya dengan menandatangani di belakang P15 tersebut (P15A).

SP3 memberi keterangan bahawa pada 21 Mac 1986 kira-kira pukul 10.00 pagi beliau ada melawat tempat kejadian di mana beliau mengarahkan DPC 50335 Mohd Sharif Ahmad (SP1) mengambil gambar tempat kejadian (P2A-F) dan beliau sendiri membuat satu rajah kasar tempat kejadian (P16).

SP3 memberi keterangan bahawa dalam siasatannya beliau ada diberitahu mengenai seorang yang bernama Ah Seng tetapi beliau gagal mengesannya oleh sebab butir-butir mengenai Ah Seng seperti alamatnya, pekerjaannya dan di mana beliau boleh dihubungi tidak diperolehi

dan lawatannya beberapa kali ke tempat kejadian dengan bantuan tiga orang mamak yang bernama Mohd Adam b. Ibrahim Ghani, Sirajudin a/l Sahul Hameed dan Sahul a/l Mohd Syed Meera yang menjual teh berhampiran dengan tempat kejadian itu tidak dapat mengesahkan kewujudan Ah Seng.

SP3 memberi keterangan bahawa pada 22 Mac 1986 kira-kira pukul 2.30 petang tertuduh ada disuruh memakai sendiri P11 dan beliau mendapati P11 adalah sesuai dan muat dipakai oleh tertuduh.

Ho Sin Soh (SP5) memberi keterangan pada 20 Februari 1991 bahawa beliau yang juga dikenali Richard Ho adalah rakan kongsi sebuah syarikat kereta yang bernama Meyers Motors Sdn. Bhd. yang telah membeli sebuah kereta BMW nombor pendaftaran TH 595 (ID19) daripada Cheah Kai Chung yang menjualkan kereta tersebut secara 'trade-in' kepada syarikatnya. SP5 memberi keterangan bahawa IDI9 kemudian telah dijualkan kepada tertuduh dan tertuduh telah menandatangani satu 'purchase order' dan beliau telah mengeluarkan satu resit kepadanya. Seterusnya apabila perbicaraan ini disambung semula pada 9 April 1991, SP5 memberi keterangan bahawa kereta TH 595 itu telah dijual oleh rakan kongsinya bernama Yneo Kim Chiam @ Yong Kim Chiam (SP8) dan berikutnya Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah mengemukakan soalan-soalan berikut:

S: Adakah awak tahu kereta itu dijual kepada tertuduh?

J: Saya tak tahu.

S: Adakah awak tahu tertuduh yang mengambil kereta itu?

J: Tak tahu. Saya pernah nampak tertuduh datang ke pejabat bersama bapanya untuk membeli kereta TH 595.

SP5 memberi keterangan bahawa kereta BMW TH 595 digunakan olehnya sekarang.

Pua Ah Chai (SP7) memberi keterangan bahawa beliau bekerja sebagai wakil penjual dengan Meyers Motors Sdn. Bhd. pada tahun 1973 dan berhenti pada tahun 1987 dan SP5 adalah 'boss'nya di sana. Menjawab pertanyaan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu SP7 menyatakan bahawa kesemua tulisan tangan dalam ID23 adalah tulisan tangannya dan kesemua keterangan dalam ID26 adalah dipetik daripada kad pengenalan.

TPR: Do you think you can recognise this man now?

SP7: No.

Apabila Timbalan Pendakwa Raya menunjukkan kad pengenalan tertuduh bernombor 6940144 SP7 menyatakan bahawa nama, nombornya dan tarikh lahirnya sama.

Mahkamah: Is that the identity card from which you wrote the particulars in ID27 (H.P. Agreement)?

SP7: I can't say that but the particulars are the same. It could not be I copied from another I/C.

SP8 memberi keterangan bahawa beliau pernah bekerja di Meyers Motors Sdn. Bhd. sebagai salah seorang daripada 5 orang pengarahnya selama 30 tahun sehingga bulan Oktober 1989 dan SP5 adalah pengarah urusannya. SP8 memberi keterangan bahawa beliau telah menjualkan kereta BMW berwarna hitam dan bernombor pendaftaran TH 595 kepada Ismet Chia iaitu seorang kawan baiknya dan Ismet Chia telah menyuruh anaknya iaitu tertuduh datang menandatangani surat perjanjian dan tertuduh telah datang menandatangani surat perjanjian dan mengambil kereta itu.

Di atas fakta-fakta saya memutuskan bahawa terdapat suatu kes *prima facie* dibuktikan dan kerananya saya telah memanggil tertuduh membela diri.

Selepas ketiga-tiga alternatif dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh dan difahaminya, tertuduh memilih untuk memberi keterangan bersumpah.

Dalam pembelaannya tertuduh memberi keterangan bahawa beliau juga dikenali sebagai Ah Wai oleh orang lain dan beliau mempunyai sebuah kereta BMW yang bernombor pendaftaran TH 595 dan bekerja di Kelab Manhattan iaitu sebuah 'Business Lounge' sebagai seorang pengurus. Tertuduh memberi keterangan bahawa pada 18 Mac 1986 beliau bekerja dan pada sebelah malamnya kawan rapatnya yang bernama Lim Peir Seng tetapi dipanggilnya dengan nama Ah Seng telah datang ke kelab tersebut bersama-sama dengan kenalannya yang lain iaitu Ah Tak, Ah Kong dan S'ng Doay Seong atau yang dipanggilnya Oh Ling dan beliau mengenali ketiga-tiga orang itu melalui Ah Seng di kelab tersebut. Oleh sebab beliau terlalu sibuk pada malam itu beliau tidak dapat melayan Ah Seng dan kenalannya itu tetapi sempat berbual-bual dengan mereka. Tertuduh memberi keterangan bahawa beliau habis kerja pada hari itu pada pukul 2.00 pagi dan kemudian telah pergi bersama-sama dengan Ah Seng dan ketiga-tiga kenalannya itu makan malam (supper) di suatu tempat di tepi Hotel Mirama dan di situ seorang kawan Ah Seng telah datang dan menyertai mereka. Tertuduh memberi keterangan bahawa sesudah makan malam Ah Seng mengajak beliau pergi ke Tanjong Malim tetapi beliau telah menolaknya oleh sebab beliau terlalu mabuk dan meminta Ah Seng menghantarnya balik ke rumahnya sahaja di Petaling. Tertuduh memberi keterangan bahawa Ah Seng semasa berada di Kelab Manhattan sebelum itu telah menyatakan hendak meminjam kereta BMWnya untuk pergi ke Pulau Pinang sebab ada hal kecemasan dan oleh hal yang demikian Ah Seng bersama-sama dengan kawan-kawan yang lainnya tadi telah menghantarnya pulang ke Petaling dengan membawa kereta BMWnya dan kemudian mereka semua telah beredar dari situ dengan menaiki kereta BMWnya dengan dipandu oleh Ah Seng.

Tertuduh seterusnya memberi keterangan bahawa beliau mempunyai sehelai baju 'coat' kerja (P11) yang digantungkannya di dalam kereta BMWnya selepas kerja iaitu satu kebiasaan yang dilakukannya setiap hari selepas kerja dan pada pagi 19 Mac 1986 baju 'coat' itu ada tergantung di dalam kereta BMW itu. Tertuduh memberi keterangan bahawa pada hari kejadian itu pada pukul 3.00 petang beliau telah pergi ke setesyen teksi di Genting Highland dengan menaiki sebuah teksi dari rumahnya di Petaling dan bila sampai di sana beliau nampak keretanya diletakkan di tepi sebuah bangalo dan kemudian telah bertemu dengan Ah Seng yang sedang minum di gerai mamak di situ dan menyertainya apabila diajak oleh Ah Seng. Tertuduh memberi keterangan bahawa sebaik sahaja beliau duduk dan memesan teh ais, tiba-tiba beliau nampak sekumpulan orang telah menerkam mereka dan beliau nampak ramai orang bertempiaran lari termasuk beberapa orang penuntut sekolah yang duduk berhampiran dengannya. Tertuduh memberi keterangan bahawa beliau nampak Ah Seng lari meninggalkan anak kunci kereta BMWnya di atas meja itu dan lalu beliau mengambilnya dan berhasrat meninggalkan tempat itu secepat mungkin dan oleh itu lalu hendak pergi mengambil keretanya apabila Ah Seng yang lari di hadapannya berteriak menyuruhnya lari ke arah lain, dan lalu beliau lari mengikuti Ah Seng. Tertuduh memberi keterangan bahawa kemudian beliau telah dipegang oleh seorang India yang menekan kepalanya kebawah dan menggari kedua-dua belah tangannya ke belakang dan kemudian dibawa ke rumah bangalo kembar dua itu dan disitu beliau disuruh mencangkung bersama-sama dengan ramai orang yang juga sudah sedia mencangkung di situ. Tertuduh memberi keterangan bahawa hanya bila sampai disitu barulah beliau tahu bahawa beliau telah ditangkap oleh anggota polis. Tertuduh memberi keterangan bahawa di situ beliau nampak polis menurunkan 2 pucuk pistol dan beberapa peket dari atas ceiling bangalo itu dan kemudian mengarahkan tangkapan-tangkapan yang mempunyai kunci

kereta menyerahkannya kepada polis oleh sebab terdapat beberapa buah kereta dalam kawasan bangalo kembar dua itu dan selepas itu kunci kereta BMWnya telah dipulangkan balik kepadanya oleh polis. Tertuduh memberi keterangan bahawa kemudian sepucuk pistol lagi dijumpai oleh polis. Tertuduh memberi keterangan bahawa kemudian beliau bersama 8 orang tangkapan lain termasuk Ah Seng dan seorang yang dipanggil Kohloh dimasukkan ke dalam satu van polis. Tertuduh memberi keterangan bahawa di dalam van Ah Seng telah bertanyakan mengenai anak kunci keretanya dan lalu mengambilnya dan memberikannya kepada Kohloh yang mencampakkannya keluar melalui tingkap tepi van yang sedia terbuka.

Tertuduh memberi keterangan bahawa sesampai mereka di pejabat CAD, IPK, Kuala Lumpur Insp. Lai Joo Wah telah memanggilnya masuk ke pejabatnya dan di situ Insp. Lai telah bertanyakan siapa empunya kereta BMW berwarna hitam dan beliau memberitahunya bahawa kereta tersebut kepunyaannya sendiri dan kemudian Insp. Lai bertanyakan sama ada beliau ada memberikan kunci keretanya kepada sesiapa untuk dibuang dan beliau telah menjawab bahawa kunci itu telah diambil oleh Ah Seng semasa mereka di dalam van dan Ah Seng telah meminta Kohloh membuangkan anak kunci itu. Tertuduh memberi keterangan bahawa kemudian Insp. Lai memanggil Kohloh masuk ke pejabatnya dan di situ Kohloh dalam kehadirannya memberitahu Insp. Lai tempat di mana kunci itu dicampakkannya. Tertuduh memberi keterangan bahawa SP6 juga ada menyoalsiasat beliau sebelum beliau dibawa bersama Kohloh dan anggota polis lain mencari anak kunci itu di tempat kejadian. Tertuduh memberi keterangan bahawa di tempat kejadian Insp. Lai menjumpai kunci itu, lalu menyerahkan kepada SP6 yang kemudian memberikan kunci itu kepadanya dan mengarahkan beliau membuka kereta BMWnya dan mengeluarkan kesemua barang salah yang ada di dalamnya. Tertuduh memberi keterangan bahawa beliau telah mengeluarkan 2 bilah pisau dari tempat pedal menekan minyak dan 2 kotak minuman arak dari 'boot' belakang kereta tersebut. Tertuduh memberi keterangan bahawa kemudian SP6 telah mengeluarkan baju 'coat' kerjanya (P11) dari dalam kereta tersebut dan bertanyakan baju 'coat' itu kepunyaan siapa dan beliau menjawabnya bahawa baju 'coat' itu adalah kepunyaannya. Tertuduh memberi keterangan bahawa selepas itu beliau pun dibawa balik semula kepejabat CAD, IPK, Kuala Lumpur.

Selain daripada tertuduh pihak pembelaan telah memanggil 4 orang saksi lain iaitu Puan Roslaini bte. Abas (SB2) seorang wartawan dengan akhbar The New Straits Times, S'ng Doay Cheong (SB3), Munusamy a/l Subramaniam (SB4) seorang penolong pegawai penjaga rekod di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak dan Encik Zainal Abidin bin Kamaruddin (SB5) seorang penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi, Bahagian Jenayah, Kuala Lumpur. SB2 telah memberi keterangan bahawa sungguhpun beliau adalah seorang wartawan yang ditugaskan khas untuk melapurkan berita Mahkamah semenjak tahun 1987 untuk majikannya kefahaman beliau berkaitan dengan prosiding pencabaran (impeachment proceeding) adalah setakat "layman understanding" sahaja dan bersetuju dengan Mahkamah apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu bahawa ada kalanya perbicaraan Mahkamah salah laporkan oleh wartawan dan seterusnya mengakui bahawa beliau tidaklah menghadiri diri pada sepanjang perbicaraan dalam kes-kes yang beliau laporkan. Saya berpendapat dalam hal ini keterangan daripada nota prosiding di Mahkamah itu sendiri adalah lebih andal (reliable) daripada laporan yang dituliskan oleh seseorang wartawan yang hadir hanya seketika sahaja dalam perbicaraan itu. SB4 pula telah mengemukakan perintah tahanan (D28) dan alasan tahanan (D29) di Pulau Jerejak Lim Peir Seng atau tertuduh memanggilnya Ah Seng yang dikatakan oleh tertuduh dalam pembelaannya sebagai orang yang meminjam kereta BMW TH 595nya pada pagi 19 Mac 1986. SB5 pula telah mengemukakan nota keterangan SCT 55-9-86 yang dibicarakan bersama FTCT 40/85 mukasurat 254 hingga 317 yang dijadikan barang kes dan ditandai D30.

SB3 telah memberikan keterangan di Mahkamah yang menyokong dengan teguhnya lagi terperinci keterangan tertuduh. SB3 telah menyokong cerita tertuduh bahawa kereta BMW tertuduh telah dipinjamkan kepada Ah Seng selepas mereka makan di sebuah gerai dekat Hotel Mirama pada pagi 19 Mac 1986 tersebut. SB3 telah menyokong cerita tertuduh bahawa tertuduh dalam keadaan mabuk pagi itu dan dihantar oleh Ah Seng balik kerumahnya pagi itu dengan kereta tertuduh yang dipandu oleh Ah Seng sendiri. SB3 telah menyokong cerita tertuduh bahawa tertuduh bekerja di Kelab Manhattan. SB3 telah menyokong cerita tertuduh bahawa beliau bersama Ah Seng, Ah Tak dan Ah Kong ada pergi minum di Kelab Manhattan pada malam 18 Mac 1986 dan mereka meninggalkan kelab tersebut bersama tertuduh pada jam kira-kira 1.00 pagi untuk pergi "supper" di sebuah gerai dekat Hotel Mirama.

Mengenai maklumat lisan yang diberikan oleh tertuduh ketika disoalsiasat oleh SP6 itu saya ingin mengupas keterangan itu di sini iaitu setelah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan peguambela yang bijaksana tersebut, maka adalah jelas bahawa untuk boleh diterima (admissible) maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950:

> the information must be such as has caused discovery of a fact. In other words the fact must be the consequence and the information the cause of its discovery.

Lihat kes *Wai Chan Leong lwn. Public Prosecutor* [1989] 1 CLJ (Rep) 171. pada ms.174. Dalam kes *PP lwn. Toh Ah Keat* [1977] 2 MLJ 87 pada ms. 89 Hashim Yeop A. Sani, Hakim Besar Malaya (pada masa itu Y.A.A. seorang Hakim Mahkamah Tinggi) berkata:

> The discovery proves that not the whole but some portion of the statement given is true namely so much of the information as led directly and immediately to, or the proximate cause of the discovery. Only such portion of the information is guaranteed by discovery and hence, only such portion of the information is admissible.

Dan lagi:

> Section 27, on the contrary, envisages a situation in which circumstances themselves vouch for the truth of certain statements made by an accused person, even though they are made in conditions that would otherwise justify suspicion. These are those statements that have led to the actual discovery of a proven fact when the information supplied by the accused has been the cause of the discovery.

(Lihat kes *Sum Kum Seng lwn. PP* [1981] 1 MLJ 244 FC pada ms. 245). Dalam kes ini maklumat yang diberikan oleh tertuduh adalah menurut keterangan lisan SP6 di Mahkamah iaitu bahawa kunci kereta BMW bernombor pendaftaran TH 595 telah dicampakkan di tepi jalan keluar dari Jalan Jati dan kereta BMW tersebut terletak di hadapan rumah yang bertentangan dengan rumah bangalo berkembar dua No 3 dan 5, Jalan Jati, Off Jalan Jalam Imbi, Kuala Lumpur dan di dalamnya ada dadah heroin. Dapat diperhatikan dalam keterangan pihak pendakwa bahawa kunci kereta telah dijumpai oleh Insp. Lai Joo Wah di tepi jalan keluar dari Jalan Jati dan beliau telah menyerahkan kunci itu kepada tertuduh yang memimpin SP6 dan pasukannya ke kereta BMW bernombor pendaftaran TH 595 yang terletak kira-kira 30 kaki dari tempat anak kunci itu dijumpai dan tertuduh telah membuka kereta tersebut dan mengeluarkan satu baju 'coat' (P11) dari dalam kereta itu dan dari saku dalam P11 tertuduh telah mengeluarkan satu bungkusan plastik (P7) dan menyerahkannya kepada SP6 yang kemudian telah membuka P7 dan mendapati satu bungkusan daripada keratan akhbar Cina (P6) yang mengandungi satu peket plastik (P8) yang mengandungi serbuk dan ketulan seberat 218.30 gram (bersih) yang setelah dianalisakan oleh ahli kimia didapati mengandungi dadah heroin seberat 76.46 gram. Maka adalah nyata disini bahawa berasaskan otoriti-otoriti yang saya huraikan mengenai s. 27 Akta Keterangan 1950 sebelum ini, bahawa maklumat seperti yang tertera dalam keterangan lisan SP6 itu jatuh di bawah s. 27 tersebut dan saya memutuskan sedemikian.

SP8 memberi keterangan bahawa tertuduh telah menandatangani surat perjanjian jual-beli kereta BMW itu dan tertuduh sendiri telah datang mengambil kereta tersebut di syarikatnya.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah menghujahkan bahawa maklumat lisan yang diperolehi semasa penyoalsiasatan tertuduh oleh SP6 itu juga telah dituliskan pada sekeping kertas dan dijadikan barang kes dan ditandai P21 dan P21 itu adalah suatu nota yang disimpan sendiri oleh SP6 di dalam fail persendiriannya. Timbalan Pendakwa Raya itu seterusnya menyatakan dalam hujahnya bahawa P21 itu digunakan olehnya untuk menyokong keterangan SP6 sahaja dan beliau bergantung kepada maklumat lisan dalam keterangan SP6 di Mahkamah untuk dimasukkan dibawah s. 27 Akta Keterangan 1950. Dan peguambela yang bijaksana bagi pihak tertuduh telah membantah kebolehterimaan P21 itu oleh sebab hujahnya ia telah melanggar s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh sebab tidak ada amaran yang diberikan kepada tertuduh dan hujahnya lagi jika pun boleh dimasukkan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 hanya jawapan berikut sahaja yang akur dengan seksyen tersebut iaitu:

> The car is parked in the compound opposite the house where I was arrested. I threw the key of the car in a bush near where I was arrested. The drug is in my car either in the booth "boot" or inside the car. My car is BMW No. TH 595 parked near where I was arrested.

Keterangan SP6 pula apabila diperiksa balas oleh peguambela yang bijaksana itu adalah seperti berikut:

**Put:** P21 adalah satu rekaan awak?

J: Tak benar.

S: Mengapa tak simpan dalam I/P papers?

J: Ini dokumen saya.

S: Dokumen peribadi awak?

J: Official - rasmi yang saya simpan. Insp. Saliman (iaitu SP3 pegawai penyiasat kes ini) tak tahu tentang kewujudan dokumen ini sebab saya tak beritahu dia. Saya simpan dalam fail peribadi saya. Saya simpan fail ini dalam peti besi saya yang berkunci.

Dan P21 pula tidak ada mengandungi tandatangan SP6 atau tandatangan tertuduh dan tidak pula diserahkan kepada SP3 pegawai penyiasat kes ini dan hanya disimpan oleh SP6 di dalam fail persendiriannya. Oleh itu saya memutuskan bahawa P21 pada hakikatnya yang sebenar merupakan satu diari polis dan hanya boleh digunakan untuk menyegarkan ingatan SP6 sahaja (to refresh PW6's memory). Dan oleh sebab SP6 tidak merujuk kepada P21 untuk menyegarkan ingatannya maka P21 tidak boleh dikemukakan (produced) dalam kes ini dan saya dengan ini memutuskan sedemikian. (Lihat kes *PP lwn. Er Ah Kiat* [1966] 1 MLJ 9 ms.10) Kerananya saya membatalkan (reversed) keputusan (ruling) mengenai penerimaan masuk P21 itu yang saya buat terdahulu daripada ini. Oleh hal yang demikian P21 tidak boleh dijadikan suatu keterangan dalam kes ini.

Setelah meneliti keseluruhan keterangan yang diberikan oleh tertuduh dan setelah mempertimbangkan cara beliau memberikan keterangan dan tingkahlakunya (demeanour) di Mahkamah dan dipadankan dengan cerita yang dibawakan oleh pihak pendakwaan maka saya berkeputusan bahawa keterangan tertuduh pada sebahagian besarnya adalah munasabah dan berkemungkinan besar cerita yang dibentangkannya ada kebenarannya. Tertuduh mengakui bahawa kereta BMW berwarna hitam dan bernombor pendaftaran TH 595 itu dan baju 'coat' yang dijumpai tersangkut di dalam kereta tersebut adalah kepunyaannya sendiri dan baju 'coat' itu adalah baju 'coat' kerjanya sebagai pengurus di Kelab Manhattan. Tertuduh memberi

keterangan bahawa kawan rapatnya Lim Peir Seng yang dipanggilnya Ah Seng ada mengambil anak kunci keretanya semasa mereka di dalam van polis semasa hendak dibawa ke IPK Kuala Lumpur dan beliau nampak Ah Seng memberikan anak kunci itu kepada seorang yang dipanggil Kohloh dan beliau nampak Kohloh mencampakkan anak kunci itu keluar melalui tingkap tepi van itu. Keterangan tertuduh itu, setidak-tidaknya menyokong kewujudan Lim Peir Seng atau Ah Seng apabila SP6 dalam keterangannya apabila diperiksa balas oleh peguambela berkata:

> Lim Peir Seng ada ditangkap bersama diantara 19 orang itu. Dan ditahan terlibat dengan dadah di Pulau Jerejak. Sekarang saya tak tahu dia dimana...

Dan keterangan SP6 itu adalah benar. Ini dibuktikan oleh SB4 yang memberikan keterangan bahawa Lim Peir Seng ditahan di Pulau Jerejak atas penglibatannya dengan pengedaran dadah heroin mulai 5 Julai 1986 dan dibebaskan pada 5 Mac 1990. Dan SP6 bila diperiksa-balas seterusnya berkata:

> S: Bolehkah awak beritahu maklumat itu?
>
> J: Maklumatnya ialah tertuduh telah memberikan kunci keretanya kepada salah seorang di dalam van semasa perjalanan balik ke pejabat dan mengarahkan orang tersebut membuangkan kunci itu melalui tingkap van. Itulah lebih kurang maklumat itu.
>
> S: Kohloh yang memberitahu maklumat itu?
>
> J: Ya, Kohloh yang membuangkan kunci itu."

Jadi dapat diperhatikan bahawa keterangan pendakwaan di atas menyokong keterangan tertuduh dengan kuatnya iaitu yang menyatakan bahawa beliau nampak Kohloh mencampakkan anak kunci keretanya keluar melalui tingkap van itu. Dan SP6 adalah saksi tunjang pihak pendakwa.

Biarlah saya katakan di sini bahawa saya tidak dapat menerima atau mempercayai penjelasan yang diberikan oleh tertuduh itu sepenuhnya namun demikian penjelasan yang dipaparkannya telah menimbulkan dalam minda (mind) saya suatu keraguan yang munasabah mengenai kesalahannya. Saya berpuas hati bahawa cerita yang dikemukakan oleh tertuduh itu telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan kesalahannya. Oleh hal yang demikian saya membebaskan dan melepaskan tertuduh.

Also found at [1991] 3 CLJ 2428